



27 Oktober 2021
27 October 2021
P.U. (A) 408

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENDAFTARAN) (PINDAAN) 2021

CREDIT REPORTING AGENCIES (REGISTRATION) (AMENDMENT) REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AGENSI PELAPORAN KREDIT 2010

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT
(PENDAFTARAN) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(a) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [*Akta 710*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Agensi Pelaporan Kredit (Pendaftaran) (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2021.

Pindaan peraturan 10

2. Peraturan-Peraturan Agensi Pelaporan Kredit (Pendaftaran) 2014 [*P.U. (A) 142/2014*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 10(2)—

(a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (b);

(b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) mengarahkan apa-apa perkara lain sebagaimana yang Pendaftar fikirkan perlu atau suai manfaat demi kepentingan industri pelaporan kredit.”.

Pindaan Jadual Pertama

3. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam butiran A—

(i) dalam subbutiran *(d)*, dengan menggantikan perkataan “Borang 24, Borang 44 dan Borang 49 Akta Syarikat 1965 yang terkini” dengan perkataan “profil syarikat yang dijana daripada sistem yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]”; dan

(ii) dengan menggantikan subbutiran *(e)* dengan subbutiran yang berikut:

“*(e)* sesalinan terperaku persetujuan bertulis semua pengarah syarikat di bawah seksyen 201 Akta Syarikat 2016;” dan

(b) dalam butiran B—

(i) dalam subbutiran *(c)*, dengan menggantikan perkataan “Borang 24, Borang 44 dan Borang 49 Akta Syarikat 1965 yang terkini” dengan perkataan “profil syarikat yang dijana daripada sistem yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016”; dan

(ii) dengan menggantikan subbutiran *(d)* dengan subbutiran yang berikut:

“*(d)* sesalinan terperaku persetujuan bertulis semua pengarah syarikat di bawah seksyen 201 Akta Syarikat 2016;”.